



**Dewan Perniagaan Vape  
Malaysia**



**Persatuan E-Vaporizers dan  
Tembakau Alternatif Malaysia**

## **SIARAN KHABAR**

# **Industri lancar #vapeterkawal untuk mohon Kerajaan perkenalkan peraturan kawalselia penjualan dan penggunaan vape bernikotin**

**Kuala Lumpur, 1 Disember 2019** - Dewan Perniagaan Vape Malaysia (DPVM) dan Persatuan E-Vaporizers dan Tembakau Alternatif Malaysia (MEVTA), dua pertubuhan nasional mewakili seluruh industri vape di Malaysia, semalam melancarkan inisiatif *#vapeterkawal* di majlis yang disertai lebih 20,000 pengguna, pemain industri untuk membawa semua pihak bersatu hati dan bersama-sama memohon Kerajaan mengambil langkah memperkenalkan peraturan kawalselia penjualan dan penggunaan vape bernikotin di Malaysia.

Pada masa yang sama, industri turut melancarkan petisyen *#vapeterkawal* untuk mendapatkan sokongan dari semua pihak bagi memohon Kerajaan memperkenalkan peraturan mengawalselia industri vape di majlis yang turut disertai wakil daripada pertubuhan pengguna dan industri vape luar negara termasuk China, Korea Selatan, Indonesia, Filipina dan Thailand.

**Rizani Zakaria, Presiden MEVTA** berkata, "*#vapeterkawal* adalah satu inisiatif daripada pihak industri untuk memohon Kerajaan membuat peraturan kawalselia penjualan dan penggunaan vape bernikotin di Malaysia serta menunjukkan bahawa industri sedia patuh dengan kawalan yang akan diperkenalkan."

Rizani turut berkata, "Industri vape Malaysia meletakkan masa depan industri yang dianggarkan bernilai sebanyak RM2 bilion serta ribuan usahawan belia tempatan dan pekerja untuk pertimbangan Kerajaan dalam pengubahan peraturan baru. Dengan adanya peraturan untuk penjualan dan penggunaan vape, ini akan membolehkan industri vape di Malaysia mendapat hala tuju serta membantu usahawan tempatan untuk mencipta lebih banyak peluang pekerjaan untuk warganegara Malaysia dan menyumbang kepada ekonomi negara"

**Syed Azaudin Syed Ahmad, Presiden DPVM** berkata, "Industri memohon agar Kerajaan memberikan pertimbangan kepada industri vape yang telah menunggu pengubahan peraturan untuk industri vape semenjak 2015 di mana Kerajaan telah memutuskan untuk membuat peraturan baru kawalan industri vape."

"Pada masa ini, peraturan yang sedia ada untuk penjualan dan penggunaan vape bernikotin perlu mengambil kira hala tuju industri vape di mana kawalan yang dikenakan ke atas vape bernikotin pada masa ini adalah lebih ketat berbanding dengan rokok tembakau yang juga mengandungi nikotin dan telah terbukti lebih berbahaya," tambah Syed Azaudin.

Industri turut berkata orang ramai perlu ambil maklum bahawa kajian yang dibuat oleh *Public Health England*, agensi kesihatan di United Kingdom, menyatakan penggunaan vape bernikotin adalah 95% kurang berbahaya berbanding dengan rokok tembakau.

Kajian ini juga disokong pelbagai ahli perubatan terkemuka, badan kesihatan awam di luar negara dan juga agensi kesihatan negara yang lain seperti di Kanada dan New Zealand. Negara-negara maju tersebut menggalakkan perokok untuk bertukar menggunakan vape untuk mengurangkan risiko kesihatan.

Majlis tersebut turut menyaksikan badan industri, artis dan selebriti tempatan bersama-sama membuat kempen kesedaran untuk memberikan mesej supaya semua pihak bekerjasama membendung penjualan dan penggunaan vape oleh mereka yang di bawah umur.

Syed Azaudin dan Rizani turut berkata, "Kami akan membuat kempen kesedaran di seluruh negara kepada semua pemain industri agar memainkan peranan untuk bersama-sama membendung penggunaan oleh mereka yang di bawah umur."

+++++

### **Untuk Maklumat Lanjut, Sila hubungi**

*Encik Syed Azaudin Syed Ahmad  
Presiden, DPVM  
+018 9000 589*

*Encik Rizani Zakaria  
Presiden, MEVTA  
+016 375 0548*

*Untuk maklumat berkenaan DPVM dan MEVTA, sila layari*

- Laman web DPVM (<https://vapemalaysia.org/>) / MEVTA ([www.mevta.org](http://www.mevta.org))
- Laman Facebook DPVM (<https://www.facebook.com/DewanPerniagaanVapeMalaysia>)  
MEVTA (<https://www.facebook.com/MEVTAOfficial/>)